

## **1092- GANGGUAN ORANG KETIGA DALAM PERKAHWINAN: KAJIAN PERUNDANGAN DI PULAU PINANG**

**NUR'AIN WAHIDA BT. AHMAD ZAHARIMI  
ZANARIAH DIMON**

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

Emel: [20bi01079@student.kuis.edu.my](mailto:20bi01079@student.kuis.edu.my), [zanariah@kuis.edu.my](mailto:zanariah@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Gangguan orang ketiga sering dikaitkan jika berlaku masalah dalam rumah tangga antara pasangan suami dan isteri. Isu ini bukanlah isu baharu dalam kalangan masyarakat, namun saban tahun terlalu banyak berita yang menunjukkan rumah tangga tidak dapat diselamatkan ekoran gangguan orang ketiga. Undang-undang Islam di peringkat negeri telah memperuntukkan gangguan orang ketiga dalam perkahwinan sebagai kesalahan yang boleh dikenakan tindakan perundangan. Namun, tidak banyak kedengaran kes-kes mengenai gangguan orang ketiga tersebut didakwa di mahkamah syariah. Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tafsiran orang ketiga dalam perkahwinan, mengkaji peruntukan berkaitan gangguan orang ketiga dalam perkahwinan dengan merujuk kepada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 serta menganalisis kes-kes dan isu-isu perundangan yang timbul mengenai gangguan orang ketiga dalam perkahwinan khususnya di Pulau Pinang. Bagi mencapai objektif-objektif tersebut, kajian perpustakaan dan kajian lapangan telah dijalankan. Data-data kajian kepustakaan diperolehi daripada buku-buku, jurnal, prosiding, disertasi, laman sesawang, dan dokumen-dokumen lain yang membincangkan mengenai gangguan orang ketiga dalam perkahwinan. Selain itu, data juga diperolehi melalui kajian lapangan yang menggunakan instrumen temu bual. Hasil kajian mendapati terdapat peruntukan mengenai gangguan orang ketiga dalam undang-undang jenayah syariah di Pulau Pinang tetapi sehingga kini tiada pendakwaan bagi kesalahan tersebut di mahkamah syariah. Antara isu yang dikenal pasti dalam penguatkuasaan kesalahan tersebut adalah kesukaran bagi membuktikan elemen gangguan orang ketiga dalam perkahwinan. Justeru, beberapa saranan telah dikemukakan di akhir penulisan artikel ini. Kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada penambahbaikan perundangan bagi peruntukan kesalahan jenayah syariah mengenai gangguan orang ketiga.*

**Kata kunci:** orang ketiga, gangguan orang ketiga, perkahwinan, undang-undang jenayah syariah Pulau Pinang

### **PENGENALAN**

Perkahwinan merupakan suatu mahligai impian yang dibina oleh setiap pasangan yang bercinta. Setiap pasangan pastinya mahu mengabdikan episod cinta yang dilalui bersama. Hakikatnya, alam perkahwinan dan realiti kehidupan tidaklah manis seperti yang dijangka. Perkahwinan adalah instrumen prelinenari kepada pembinaan keluarga sebagai unit asas dan tunjang sesebuah masyarakat. Sewajarnya, setiap insan perlulah bersikap rasional dalam menilai sesuatu yang fantasi dan realiti kehidupan berumah tangga. Pasangan suami isteri pasti tidak akan terlepas daripada menghadapi masalah dan kerumitan dalam mengharungi bahtera perkahwinan. Apa yang membezakan setiap pasangan itu adalah bagaimana mereka menghadapi dan menyelesaikan masalah yang berlaku. Ekoran daripada itu, pasangan suami isteri perlulah mengenal pasti terlebih dahulu punca kepada masalah tersebut sebelum mencari jalan yang sebetulnya untuk bertindak.

Berdasarkan statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sebanyak 6574 kes melibatkan gangguan orang ketiga bagi tahun 2013 sehingga 2019 telah

dilaporkan. (Jabatan Pendaftaran Negara, 2019). Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Berita Harian, kes penceraian pasangan Islam yang didaftarkan pada tahun 2021 adalah sebanyak 45,420 kes dan Pulau Pinang merekodkan sebanyak 1,932 kes (Tuty, 2022). Antara kes yang direkodkan itu, dapat dikenal pasti bahawa salah satu punca utama perceraian adalah melibatkan pasangan curang, dan campur tangan keluarga. Perkara ini seperti satu fenomena yang kian meruncing dan memerlukan pemerhatian serta tindakan yang sewajarnya daripada pihak-pihak berwajib.

Jika dilihat dalam mana-mana peruntukan undang-undang termasuk Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, tidak terdapat peruntukan khusus berkaitan penglibatan orang ketiga sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga menyebabkan berlakunya perceraian. Namun begitu, peruntukan yang melibatkan orang ketiga ini wujud di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 yang diperuntukkan di bawah Kesalahan Pelbagai, Bahagian V. Antara seksyen yang berkaitan adalah seksyen 36, seksyen 37, seksyen 38, dan seksyen 39.

Seksyen 36 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 memperuntukkan:

“Mana-mana orang yang memujuk lari seorang perempuan bersuami atau membawanya keluar dari atau dengan apa-apa cara mempengaruhinya supaya meninggalkan kediaman suami isteri yang ditentukan oleh suaminya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah boleh memerintahkan perempuan tersebut supaya kembali kepada suaminya.”

Seksyen ini membawa maksud, sesiapa yang memujuk atau mempengaruhi wanita yang mempunyai suami untuk meninggalkan suaminya dengan pelbagai cara dan menyebabkan wanita itu meninggalkan tanggungjawab dan suaminya, jika disabitkan bersalah, boleh dikenakan denda sebanyak lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-dua hukuman tersebut.

Seksyen 37 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 memperuntukkan:

“Mana-mana orang yang menghalang sesuatu pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri yang sudah bernikah dengan sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah hendaklah memerintahkan pasangan itu supaya hidup sebagai suami isteri yang sudah bernikah dengan sah.”

Berdasarkan peruntukan ini, sesiapa yang menghalang pasangan yang telah sah berkahwin daripada hidup sebagai suami isteri, jika disabitkan bersalah, boleh dikenakan denda atau penjara seperti yang telah ditetapkan.

Seksyen 38 memperuntukkan:

“Mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana orang lelaki atau orang perempuan supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan dan tanggungjawabnya sebagai suami atau isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun penjara atau keduanya.”

Peruntukan ini membawa maksud sesiapa sahaja sama ada lelaki atau perempuan yang menghasut, memaksa, atau memujuk suami atau isteri untuk mengabaikan tanggungjawabnya atau menceraikan pasangannya, jika disabitkan bersalah, boleh didakwa di bawah peruntukan seksyen ini.

Seksyen terakhir iaitu seksyen 39 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 memperuntukkan:

“Mana-mana orang yang memujuk lari atau mendorong atau memujuk mana-mana orang perempuan supaya lari daripada jagaan ibu bapanya atau penjaganya adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya sesuai berkenaan dengan orang perempuan itu.”

Peruntukan yang terakhir ini membawa maksud sesiapa sahaja iaitu lelaki yang memujuk lari atau mendorong sesiapa sahaja yang digelar wanita daripada jagaan ibu bapa atau penjaganya, jika disabitkan bersalah, boleh didakwa di bawah peruntukan seksyen ini.

Jelaslah, terdapat peruntukan undang-undang khusus bagi menangani jenayah gangguan orang ketiga seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 36, 37, 38, dan 39 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996. Namun begitu, peruntukan-peruntukan ini tidak digunapakai oleh masyarakat atau mangsa bagi mendakwa orang ketiga yang telah mengganggu rumah tangga mereka. Kebanyakan akan menggunakan alasan lain untuk menuntut perceraian, walhal keretakan rumah tangga yang berlaku adalah disebabkan penglibatan orang ketiga.

## **METODOLOGI**

Kajian ini berbentuk kualitatif. Metode pengumpulan data yang digunakan adalah melalui kajian kepustakaan, analisis dokumen, dan kaedah temu bual bersama Pegawai Penyiasat Agama di Bahagian Penguatkuasaan dan Pegawai Runding Cara Keluarga di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Data dianalisis secara deskriptif.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### ***Tafsiran Orang Ketiga***

Menurut takrifan yang termaktub dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, orang tengah boleh didefinisikan sebagai orang yang menjadi pendamai bagi pihak-pihak yang berbalah, orang

yang menjadi pengantara antara pengeluar barang-barang dengan pengguna, dan orang yang menjadi pengantara antara pihak-pihak dalam rundingan kahwin dan lain-lain.<sup>1</sup>

Selain itu, menurut pendapat dan tafsiran secara umum daripada ahli akademik, orang ketiga ini merujuk tindakan kepada sesiapa sahaja yang bertanggungjawab meruntuhkan sesebuah institusi rumah tangga.<sup>2</sup> Ada juga yang mengkategorikan orang ketiga dalam rumah tangga boleh dirujuk antara pasangan kekasih lelaki dan wanita, wanita dengan wanita *lesbian* (hubungan sesama jantina yang dimaksudkan sebagai musahaqah dan liwat), lelaki dengan lelaki *gay* (persetubuhan dubur sesama lelaki atau perempuan kecuali dubur isteri).<sup>3</sup> Orang ketiga juga boleh menjadi sesiapa sahaja sama ada orang luar yang dikenali atau tidak dikenali seperti kerabat terdekat mahupun saudara yang bau-bau bacang apatah lagi seseorang yang tidak dikenali langsung.<sup>4</sup>

Seterusnya, melihat pula dalam peruntukan undang-undang, tiada takrifan atau pendefinisian yang khusus mengenai golongan yang boleh dianggap sebagai orang ketiga yang mengganggu rumah tangga orang lain.<sup>5</sup> Apa yang difahami dengan tafsiran orang ketiga adalah melalui peruntukan kesalahan berkaitan gangguan orang ketiga dalam perkahwinan seperti mana yang telah diperuntukkan di dalam seksyen 36, seksyen 37, seksyen 38 dan seksyen 39 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996. Peruntukan-peruntukan ini melibatkan kesalahan membawa lari isteri orang, memujuk atau menghasut suami atau isteri orang untuk mengabaikan tanggungjawab, menghalang suami isteri untuk hidup bersama selepas berkahwin dan memujuk serta mendorong wanita untuk lari daripada jagaan ibu bapa dan penjaganya.

Islam sangat melarang tindakan seseorang yang mahu merosakkan hubungan seorang isteri dengan suaminya. Perkara ini ada dinukilkan dalam hadis sahih<sup>6</sup>:

مَنْ خَبَّبَ زَوْجَةَ امْرِئٍ أَوْ مَمْلُوكَهُ فَلَيْسَ مِنَّا

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda barangsiapa yang melakukan *takhbib* terhadap isteri seseorang atau hamba yang orang itu miliki, maka dia bukan dari kalangan kami.

Berdasarkan hadis di atas, hukum bagi *at-takhbib* adalah haram. Perkataan *takhbib* berasal dari *khabbaba*. Jika dilihat dari segi bahasa, ia membawa maksud seorang lelaki yang merosakkan hamba atau isteri kepada orang lain, atau kawan kepada kawannya. *Al-khabb* pula memberi makna kerosakan, kekejian, dan penipuan. Ia diambil daripada perkataan

<sup>1</sup> *Carian umum*. (n.d.-b). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=orang+tengah>

<sup>2</sup> Che Man, A. F., Nasohah, Z., & Abu Mansor, F. (2014). Pensabitan Nusyuz Isteri di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak. *Journal of Human Development and Communication*, 3(Special Issue), 27-46.

<sup>3</sup> Muhamad, N. A. N., & Ismail, N. (2019). Pelaksanaan Undang di Mahkamah Syariah Melibatkan Orang Ketiga dalam Rumah Tangga. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 16(1), 15-24.

<sup>4</sup> Awang, M. (2013). Orang Ketiga Boleh Dihukum. *Harian Metro*.

<sup>5</sup> Sep. (2023, March 23). *Soalan lazim: Gangguan Orang/Pihak Ketiga - Peguam Syarie*. Peguam Syarie. <https://www.peguamsyarie.com.my/soalan-lazim-gangguan-orangpihak-ketiga/>

<sup>6</sup> Abu Dawud Sulayman bin al-Ash'ath as-Sijistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Adab, Bab *Fiman Khababa Mamlukan 'ala Maula'*, No. Hadis 5170.

*khibbun* atau *khabbun* yang membawa maksud penipu yang merosakkan hubungan sesama manusia dengan penipuannya. Ia merupakan kata lawan bagi *al-ghirr* iaitu kenaifan.<sup>7</sup>

Tuntasnya, dapatlah disimpulkan di sini, perbuatan *takhhbib* ini boleh merosakkan hubungan antara suami dan isteri melalui tipu daya atau membuatkan isteri itu menuntut perceraian disebabkan orang ketiga mahupun orang tengah. Ia tidak hanya tercakup kepada kekasih atau bekas kekasih suami atau isteri itu, malah ahli keluarga seperti adik beradik, ibu bapa, ipar duai, serta sahabat handai dan masyarakat sekeliling juga boleh dikategorikan sebagai orang ketiga.

### **Perundangan Di Pulau Pinang Berkaitan Gangguan Orang Ketiga**

Tahun 2023 adalah tahun yang agak hangat diperkatakan dengan isu orang ketiga dalam bahtera rumahtangga. Isu ini menjadi lebih popular kerana ia melibatkan selebriti terkenal tanah air di luar sana. Dalam kehangatan isu tersebut, negeri Pulau Pinang di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 ada memperuntukkan beberapa peruntukan sebagai salah satu senjata buat para isteri atau suami bagi menyelamatkan pasangan masing-masing dari diganggu oleh orang ketiga. Antaranya adalah seksyen 36, 37, 38, dan 39 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.

Menurut Informan 1 dari Unit Khidmat Nasihat bagi Bahagian Undang-undang Keluarga Islam, tafsiran peruntukan seksyen ini adalah melibatkan orang ketiga seperti kenyataan di bawah:

“Dalam borang Unit Khidmat Nasihat bagi seksyen 36, 37, 38 dan 39, ada dua kategori gangguan campur tangan pihak ketiga. Campur tangan pihak ketiga melibatkan keluarga iaitu ahli keluarga terutamanya ibu bapa dan satu lagi campur tangan melibatkan orang luar sama ada di pihak lelaki atau pun perempuan.”

(Informan 1, Bhg. Undang-undang Keluarga Islam JHEAIPP, 27 Julai 2023)

Kenyataan ini disokong oleh informan kedua iaitu Pengarah Kanan Siasatan dari Bahagian Penguatkuasaan seperti di bawah:

“Orang ketiga dalam seksyen 36, 37, 38, 39 ini adalah selain dari suami dan isteri iaitu abang, adik, ipar, mertua, jiran, dan kawan baik. Jadi, bagi saya adalah selain pasangan.”

(Informan 2, Bhg. Penguatkuasaan JHEAIPP, 2 Ogos 2023)

Tafsiran ini selari dengan jenis kesalahan yang diperuntukan di dalam keempat-empat seksyen iaitu seksyen 36 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 memperuntukkan berkaitan kesalahan memujuk lari perempuan bersuami, seksyen 37 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 perihal menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri, seksyen 38 pula berkenaan menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajibannya, dan seksyen 39 adalah kesalahan memujuk lari orang perempuan:

<sup>7</sup> Al-Kuwaitiyah, A.-A. (1980). *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyah al-Kuwaitiyah* (Jilid 11, p. 18). Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam.

Keempat-empat seksyen ini bertujuan membantu mengelakkan sebarang gangguan orang ketiga dalam sesebuah perkahwinan. Namun begitu, peruntukan tersebut jarang atau boleh dikatakan tidak pernah didengari dibawa ke muka pengadilan atau ke pendakwaan di Mahkamah Syariah. Perkara ini menjadi tanda tanya sama ada peruntukan yang diperuntukkan di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 itu berkuasa untuk menjadi senjata buat pasangan yang terkesan dengan isu gangguan orang ketiga atau hanya sekadar suatu perundangan di kertas sahaja.

Peruntukan ini menjadi sukar untuk digunapakai apabila pembuktian itu melibatkan lokasi kejadian sesuatu kes itu berlaku. Contohnya apabila mangsa membuat laporan kepada pihak berkuasa dengan menunjukkan gambar pasangannya dan orang ketiga itu berada di sebuah hotel Lexis. Pihak berkuasa akan menyiasat terlebih dahulu lokasi hotel Lexis itu. Pembuktian lokasi tersebut adalah sukar jika hanya melalui sekeping gambar sahaja. Hal ini kerana, jika disiasat ciri-ciri hotel Lexis seperti yang tertera di gambar itu, terdapat beratus hotel Lexis di seluruh Malaysia dengan ciri-ciri yang sama. Ia disokong oleh kenyataan Informan 2 iaitu:

“Kebiasaannya mangsa akan datang buat aduan sambil tunjuk bukti di *whatsApp*. Dia tunjuk gambar pasangannya dan orang ketiga itu keluar berduaan. Jadi, untuk buktikan gambar itu berlaku di Pulau Pinang sebab kita terikat dengan kesalahan yang dilakukan di negeri Pulau Pinang sahaja.

(Informan 2, Bhg. Penguatkuasaan JHEAIPP, 2 Ogos 2023)

Tambahan pula, peruntukan ini menjadi sukar untuk digunakan apabila hotel Lexis itu berada di lokasi yang berlainan negeri. Ia disebabkan penglibatan bidang kuasa negeri lain memandangkan undang-undang syariah mempunyai limitasi kepada negeri sahaja. Menurut kenyataan Informan 2 berkaitan isu peruntukan ini:

“Bila sampai kes didaftarkan untuk mendakwa mereka, pihak berkuasa cari, mereka sudah larikan diri ke negeri atau negara mereka. Bangladesh, Indonesia. Rohingya tidak larikan diri sebab mereka memang pelarian. Undang-undang syariah ini tak kuat mana. Jika undang-undang sivil, boleh ekstradisi, tetapi syariah tiada.”

(Informan 2, Bhg. Penguatkuasaan JHEAIPP, 2 Ogos 2023)

Peruntukan ini juga boleh dipinda kepada peruntukan lain semasa proses dakwaan kerana elemen pembuktian yang tidak menggambarkan peruntukan ini. Contohnya, sebuah pasangan bercerai di luar mahkamah atas alasan orang ketiga. Mereka tidak akan dijatuhkan hukuman di bawah seksyen 36, 37, 38, atau 39, tetapi dihukum di bawah seksyen 125 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 iaitu bercerai di luar mahkamah walaupun hakikatnya alasan utama mereka bercerai adalah orang ketiga. Informan 2 berkongsi pandangan beliau berdasarkan kenyataan di bawah:

“Seksyen ini macam beku sikit sebab pelbagai cabang kes boleh ditentukan. Jika bercerai pun, tiada kaitan dengan seksyen-seksyen ini. Cerai luar mahkamah akan guna seksyen 125. Kahwin tanpa kebenaran di Siam seksyen 124 dan poligami seksyen 40. Dua ni boleh dibawa sekali ke mahkamah. Sebab ada dua kesalahan di situ.

Setakat ini seksyen 125 tidak dibawa sekali dengan seksyen 36 sebab seksyen 36 susah nak bukti. Seksyen 125 senang.”

(Informan 2, Bhg. Penguatkuasaan JHEAIPP, 2 Ogos 2023)

Jadi, melalui temu bual ini dapat difahami dengan terperinci bahawa penguatkuasaan peruntukan yang berkaitan kesalahan gangguan orang ketiga mempunyai kelompongan dalam melaksanakannya disebabkan isu pembuktian yang sangat berat diperlukan untuk membawa sesuatu kes itu ke peringkat seterusnya. Satu pindaan atau pembaharuan enakmen tersebut dilihat perlu supaya dapat dikuatkuasakan dengan lebih baik. Jika dibandingkan dengan negara Barat, mereka sudah lama menguatkuasakan undang-undang *Alienation of Affection Law* yang membolehkan isteri mendapat pampasan dan bayaran ganti rugi sekiranya pasangan curang (Christy Bieber, 2023).<sup>8</sup> Sewajarnya, negara ini mempunyai mekanisme undang-undang yang dapat membantu melindungi mangsa yang terkesan dalam isu membabitkan insitisi perkahwinan itu sendiri.

### ***Kesan Gangguan Orang Ketiga***

Gangguan orang ketiga boleh mengakibatkan kebahagiaan yang dikecapi oleh pasangan suami isteri berubah menjadi rapuh. Kehadiran orang ketiga dalam perhubungan suami isteri membawa pelbagai konflik sehingga tercetusnya pertengkaran dan perpisahan. Pasangan terpaksa akur dengan kehadiran orang ketiga dan memilih perceraian sebagai jalan penyelesaian.

Rentetan itu, perceraian kini dilihat seperti fenomena global dalam kehidupan masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga perkahwinan yang berjaya diselamatkan setelah melalui beberapa proses perdamaian dan rundingan sama ada ia dilakukan berdasarkan inisiatif pasangan itu sendiri mahupun dengan bantuan pihak unit khidmat nasihat keluarga. Tetapi bagi perkahwinan yang tidak menemui jalan penyelesaian terbaik setelah pelbagai usaha dibuat, maka Islam sebagai satu agama yang lengkap itu menyediakan satu solusi ataupun jalan keluar bagi menyelesaikan isu ini dengan berhemah iaitu melalui pembubaran perkahwinan. Perkara ini disokong oleh Informan 1.

Jika perceraian berlaku, anak-anaklah yang akan menjadi mangsa. Perceraian boleh menjadi sesuatu yang menakutkan untuk kanak-kanak. Kebanyakan kanak-kanak bertindak balas terhadap perceraian ibu bapa mereka dengan emosi yang menyakitkan. Perasaan kehilangan, marah, keliru, bimbang, takut untuk ditinggalkan dan banyak lagi, semuanya mungkin datang dari peralihan ini. Perceraian boleh menyebabkan kanak-kanak berasa terlampau sedih dan sensitif dari segi emosi. Mereka memerlukan tempat untuk menyalurkan emosi mereka seperti seseorang untuk bercakap dengannya, seseorang yang akan mendengar, atau bantuan dari segi sokongan psikologi (Pusat Pakar Psikologi, 2023).<sup>9</sup> Perkara ini dibuktikan dengan kenyataan Informan 1 seperti di bawah:

---

<sup>8</sup> Bieber, C., JD. (2023, February 24). What Is Alienation Of Affection? Legal Definition & Examples. *Forbes Advisor*. <https://www.forbes.com/advisor/legal/divorce/alienation-of-affection/>

<sup>9</sup> Jiwadamai, P. P. P. (2023, March 9). Kanak-Kanak & Tekanan : Perceraian Ibu Bapa. *Pusat Pakar Psikologi Jiwadamai*. <https://jiwadamai.com/2023/03/09/kanak-kanak-tekanan-penceraian-ibu-bapa/>

“Perkara ini *effect* kepada anak juga sebenarnya. Terutamanya kesihatan mental kanak-kanak.”

(Informan 1, Bhg. Undang-undang Keluarga Islam JHEAIPP, 27 Julai 2023)

Selain itu, gangguan orang ketiga ini juga mendorong kepada berlakunya kes jenayah seperti terlanjur bersama orang ketiga itu. Perkara ini agak mengejutkan dan meruntun jiwa apabila diketahui oleh pasangan masing-masing. Situasi ini selalunya diketahui oleh pasangan mengenai hubungan sulit pasangannya dengan orang ketiga itu menerusi panggilan telefon rakan dan kenalan, menemui bukti mereka keluar bersama, mengesyaki perubahan mendadak serta yang paling mengecewakan adalah apabila pasangan sendiri menjadi saksi kedua-duanya bersedu asmara (Intan, 2019).<sup>10</sup>

Menurut beliau lagi, perkara ini seolah-olah seperti *trend* pada masa kini. Perbuatan terkutuk ini bukan sahaja melibatkan lelaki tetapi juga melibatkan perempuan yang merupakan isteri seseorang. Mereka melakukan dengan perasaan sukarela dan perkara ini menyukarkan pembuktian kerana tiada unsur paksaan. Apa yang paling membimbangkan adalah seorang suami itu tahu tentang perkara itu tetapi tidak mahu melepaskan isterinya kerana memikirkan keadaan rumahtangga yang dibina sudah lama. Namun, ada juga sehingga berlaku perceraian. Seperti kenyataan di bawah:

“*Trend* sekarang ini isteri yang ada hubungan dan ada kes yang sampai terlanjur. Setakat saya jumpa, tidak ada unsur paksaan. Bila pasangan tahu tentang perkara itu dan datang untuk kaunseling, suami masih sayangkan rumahtangga tapi bila nak lepaskan isteri banyak perkara la yang difikirkannya. Tapi, ada juga yang berlaku sampai perceraian.”

(Informan 1, Bhg. Undang-undang Keluarga Islam JHEAIPP, 27 Julai 2023)

Lebih parah lagi kesan gangguan dan campur tangan orang ketiga ini mendorong kepada berlakunya anasir buruk yang tidak diingini seperti ajaran sesat. Perkara ini sangat mengejutkan kerana jarang atau tidak pernah didengari namun, realitinya adalah sangat pahit.

“Campur tangan pihak ketiga yang melibatkan ajaran sesat pun ada. Orang ketiga itu tarik pasangannya untuk terlibat dengan ajaran yang agak pelik. Pihak berkuasa panggil ajaran sesat kerana situasinya sangat pelik.”

(Informan 1, Bhg. Undang-undang Keluarga Islam JHEAIPP, 27 Julai 2023)

Sebenarnya, dalam arus pemodenan ini, masih ramai masyarakat yang masih terjebak dengan ajaran sesat kerana kejahilan. Hal ini disebabkan segelintir masyarakat pada hari ini sangat mudah terpesona dengan pemakaian serta tutur kata yang lembut dalam memutar belitkan ayat al-Quran, hadis serta dalil-dalil agama yang lain sehingga tidak menilai terlebih dahulu kata-katanya itu benar atau sebaliknya. Selain itu, kemungkinan wujudnya pembabitan unsur lain dalam menarik perhatian orang lain atau kekaguman pihak ketiga iaitu sihir. Sihir akan

<sup>10</sup> Shahimi, I. M. A. (2019, July 4). Kekuatan hadapi pasangan curang. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/amp/hati/2019/07/472172/kekuatan-hadapi-pasangan-curang>



digunakan untuk menarik perhatian pasangan kepada orang ketiga itu patuh dan taat kepadanya. Hasilnya, dia tidak menyedari bahawa dirinya sudah dipukau untuk meninggalkan pasangan yang sudah ada (Kafe Ahad, 2023).<sup>11</sup>

Seterusnya, kesan gangguan orang ketiga adalah mewujudkan perkahwinan tanpa izin yang tidak sah dan menggunakan sindiket. Perkahwinan yang diadakan dibimbangi tidak sah dan tidak menepati syarak. Hal ini boleh menyebabkan perkahwinan itu difaragkan atau dibubarkan. Menurut informan, pihak berkuasa mengetahui tentang perkara ini apabila isteri pergi membuat aduan tentang perkahwinan suami yang dirasakan tidak wujud tetapi berlaku. Kenyataan Informan 1 seperti di bawah:

“Isteri datang membuat aduan yang suaminya telah berkahwin. Bila siasat, suami kahwin guna sindiket sebab tak keluar ke Thailand tapi kahwin di Penang. Sindiket maksudnya kita tak pasti nikah itu sama ada sah atau tidak selagi dia tidak mendaftar dan dia tak datang untuk buat pengesahan pernikahan.”

(Informan 1, Bhg. Undang-undang Keluarga Islam JHEAIPP, 27 Julai 2023)

Bahana lain yang bakal dihadapi oleh pasangan berkahwin secara sindiket antaranya proses pendaftaran pernikahan memakan masa yang panjang dan bertambah rumit sekiranya dokumen tidak mencukupi atau palsu. Kelahiran anak juga tidak dapat didaftarkan seperti biasa. Ia mengakibatkan status pengesaharafan dan warganegara tidak dapat dipastikan sekali guas memberi masalah kepada urusan perubatan, rawatan, dan pendidikan anak-anak. Pengurusan harta pusaka turut terkesan kerana pihak berkaitan gagal mengemukakan dokumen pernikahan yang diiktiraf selain memberi masalah kepada tuntutan lain seperti perceraian, pengesahan tarafan anak, nafkah, hadhanah, harta sepencarian, dan sebagainya.

### ***Isu Pembuktian Gangguan Orang Ketiga***

Isu pembuktian acapkali diulang kerana hasil kajian mendapati faktor utama gangguan orang ketiga tidak dapat dibawa ke peringkat pendakwaan adalah kerana memerlukan elemen pembuktian yang berat dan kukuh untuk mensabitkan sesuatu kes di pihak pendakwaan. Tanpa pembuktian yang mencukupi, kes akan dianggap tiada *prima facie* dan akan ditutup. Perkara ini amatlah pahit untuk ditelan, namun untuk mendakwa seseorang pastinya memerlukan bukti yang kukuh. Menurut Informan 2 berdasarkan kenyataan di bawah:

“Kes tak boleh diteruskan sebab tak cukup pembuktian. Contohnya, pendakwa minta PPA ambil statement penjaga kaunter. Kebanyakannya penjaga kaunter ialah Indonesia. Jadi, bila kita pergi cari semula, mereka dah hilangkan diri.”

(Informan 2, Bhg. Penguatkuasaan JHEAIPP, 2 Ogos 2023)

Selain itu, pembuktian dalam kes berkaitan gangguan orang ketiga ini selalunya dalam bentuk dokumentasi seperti aplikasi *WhatsApp*, khidmat pesanan ringkas, atau sosial media

---

<sup>11</sup> Amry, S. O. (2015, September 4). ‘Impian budak nakal terlaksana.’ *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2021/09/75381/kenapa-mudah-terpengaruh>

yang lain, di mana dokumen berbentuk seperti ini sukar untuk diperolehi. Kebiasaannya, pihak yang membuat aduan gagal mengemukakan keterangan dokumen atau keterangan lisan semasa kejadian. Menurut Informan:

“Biasanya pengadu datang tunjuk gambar yang mana pasangannya dan orang ketiga ada berhubung menggunakan khidmat pesanan ringkas.”

(Informan 2, Bhg. Penguatkuasaan JHEAIPP, 2 Ogos 2023)

Antara sebab lain yang membuatkan pembuktian menjadi sukar adalah apabila kedua-dua pihak itu iaitu salah seorang pasangan pengadu dan orang ketiga tersebut melakukan kesalahan atas dasar saling menyukai dan tiada unsur paksaan. Dari sini tidak dapat dibuktikan elemen gangguan orang ketiga kerana kedua-duanya merelakan perbuatan tersebut walaupun pada hakikanya, ia melanggar hukum syarak kerana cuba memusnahkan rumahtangga yang telah dibina. Informan 2 berpendapat:

“Saya rasa susah kes ini nak didakwa. Sebab dua-dua pihak suka sama suka dan tiada paksaan.”

(Informan 2, Bhg. Penguatkuasaan JHEAIPP, 2 Ogos 2023)

### ***Tiada Pendakwaan Kes-kes Gangguan Orang Ketiga***

Isu-isu pembuktian yang dijelaskan di atas tadi merupakan punca kenapa tiada pendakwaan di Mahkamah Syariah bagi kes gangguan orang ketiga. Di pihak pendakwaan pula, *IP* iaitu kertas siasatan tidak lengkap juga menjadi punca pendakwaan tidak dapat dilakukan. Sekiranya kertas siasatan yang diserahkan cukup lengkap, pendakwaan boleh cuba dilakukan dan hasilnya terpulang kepada mahkamah sama ada kes itu disabitkan atau tidak. Menurut Informan 2:

“Bergantung kepada pendakwa itu. Jika dirasakan tidak mempunyai *prima facie* dalam kertas siasatan, *IP* tersebut akan dipulangkan semula.”

(Informan 2, Bhg. Penguatkuasaan JHEAIPP, 2 Ogos 2023)

Walau bagaimanapun, menurut Informan 2, seandainya dalam siasatan didapati terdapat elemen-elemen yang tidak begitu kuat untuk pendakwaan di bawah seksyen 36, 37, 38, dan 39, maka pendakwa syarie boleh membawa kepada kesalahan seksyen lain yang berkaitan dengan elemen pembuktian tersebut.

“Pelbagai cabang kes boleh ditentukan. Jika bercerai pun, tiada kaitan dengan seksyen-seksyen ini. Cerai luar mahkamah akan guna seksyen 125. Kahwin tanpa kebenaran di Siam seksyen 124 dan poligami seksyen 40. Dua ni boleh dibawa sekali ke mahkamah. Sebab ada dua kesalahan di situ. Setakat ini seksyen 125 tidak dibawa sekali dengan seksyen 36 sebab seksyen 36 susah nak bukti. Seksyen 125 senang.”

(Informan 2, Bhg. Penguatkuasaan JHEAIPP, 2 Ogos 2023)

## KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati rumusan bagi tafsiran orang ketiga dalam sesebuah perkahwinan adalah selaras dengan pandangan menurut pakar akademik dan temu bual dari kedua-dua informan. Dapat difahami secara umum, tafsiran orang ketiga boleh diklasifikasikan sebagai pihak yang cuba mengeruh, mengganggu, serta meruntuhkan dan mengakibatkan perpecahan dan perbahalan sesebuah institusi kekeluargaan sama ada melibatkan individu yang dikenali atau tidak dikenali. Orang ketiga boleh dikategorikan kepada dua iaitu melibatkan orang luar ataupun dalam kalangan ahli keluarga. Bagi kategori pertama, ia melibatkan rakan sepejabat atau rakan sekerja, kekasih lama yang datang kembali, individu yang baru dikenali melalui sosial media, dan jiran. Kategori kedua pula adalah campur tangan dari pihak keluarga seperti ibu bapa, serta mertua yang menjadi orang ketiga dalam hubungan perkahwinan anak masing-masing.

Seterusnya, terdapat peruntukan yang membincangkan mengenai kesalahan jenayah orang ketiga di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 iaitu seksyen 36, 37, 38, dan seksyen 39, namun mempunyai kelompongan dalam pelaksanaan peruntukan tersebut. Kajian mendapati bahawa keempat-empat seksyen ini memerlukan elemen pembuktian yang berat dan kukuh untuk mensabitkan hukuman ke muka pengadilan. Disebabkan itu, tiada kes yang dilaporkan ke peringkat pendakwaan.

Isu ini dilihat memerlukan suatu pindaan dan pembaharuan kepada enakmen supaya peruntukan mengenai kesalahan jenayah syariah mengenai orang ketiga di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 dapat dikuatkuasakan dengan lebih baik bagi membantu pihak yang terkilan dalam membuat dakwaan terhadap orang ketiga. Sewajarnya, negara ini khususnya negeri Pulau Pinang mempunyai mekanisme undang-undang yang dapat membantu melindungi mangsa terutamanya masyarakat di negeri Pulau Pinang dalam isu membabitkan gangguan institusi kekeluargaan mereka. Isu perundangan yang timbul mengenai gangguan orang ketiga adalah sudah semestinya isu pembuktian dan tiada pendakwaan yang disabitkan. Pihak pendakwaan memerlukan pembuktian yang cukup untuk melengkapkan elemen-elemen pembuktian yang diperlukan supaya kes dianggap mempunyai *prima facie* serta boleh membawanya ke mahkamah untuk diadili. Namun, bagi kesalahan jenayah orang ketiga ini, dilihat sukar untuk memenuhi elemen pembuktian atas beberapa faktor. Antaranya adalah pembuktian yang diberikan oleh pengadu melalui bentuk dokumentasi dan sukar untuk dibuktikan lokasi berlaku jenayah tersebut, serta jenayah yang dilakukan tidak mempunyai unsur paksaan tetapi kedua-dua pihak saling menyukai dan merelakan antara satu sama lain.

## RUJUKAN

- Al-Ash'ath as-Sijistani, A. D. S. *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Adab, Bab *Fiman Khababa Mamlukan 'ala Maula'*, No. Hadis 5170.
- Al-Kuwaitiyah, A.-A. (1980). *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyah al-Kuwaitiyah* (Jilid 11, p. 18). Kementerian Wakaf dan Hal Ehwat Islam.
- Che Man, A. F., Nasohah, Z., & Abu Mansor, F. (2014). Pensabitan Nusyuz Isteri di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak. *Journal of Human Development and Communication*, 3(Special Issue), 27-46.

- Bieber, C., JD. (2023, February 24). What Is Alienation Of Affection? Legal Definition & Examples. *Forbes Advisor*.  
<https://www.forbes.com/advisor/legal/divorce/alienation-of-affection/>
- Carian umum. (n.d.-b). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=orang+tengah>
- Shahimi, I. M. A. (2019, July 4). Kekuatan hadapi pasangan curang. *Harian Metro*.  
<https://www.hmetro.com.my/amp/hati/2019/07/472172/kekuatan-hadapi-pasangan-curang>
- Amry, S. O. (2015, September 4). 'Impian budak nakal terlaksana.' *Harian Metro*.  
<https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2021/09/75381/kenapa-mudah-terpengaruh>
- Awang, M. (2013). Orang Ketiga Boleh Dihukum. *Harian Metro*.
- Muhamad, N. A. N., & Ismail, N. (2019). Pelaksanaan Undang di Mahkamah Syariah Melibatkan Orang Ketiga dalam Rumah Tangga. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 16(1), 15-24.
- Sep. (2023, March 23). Soalan lazim: Gangguan Orang/Pihak Ketiga - Peguam Syarie. *Peguam Syarie*.  
<https://www.peguamsyarie.com.my/soalan-lazim-gangguan-orangpihak-ketiga/>
- Jiwadamai, P. P. P. (2023, March 9). Kanak-Kanak & Tekanan : Penceraian Ibu Bapa. *Pusat Pakar Psikologi Jiwadamai*.  
<https://jiwadamai.com/2023/03/09/kanak-kanak-tekanan-penceraian-ibu-bapa/>